

☐ Sinar Murni
☒ Sinar Ahad
Tarikh: 20/5/2012
Mast: AMNO MS: U12
Ruangan: KUIHNG PDSU

Terpaksa mandi di tepi pokok

CHANGLUN - Penantian seorang wanita yang tinggal sebatang kara sejak beberapa tahun lalu di Kampung Paya Nongni di sini untuk memiliki bilik air yang turut dilengkapi dengan kemudahan tandas akhirnya tercapai.

Kemudahan itu dibina oleh Persatuan Kebajikan Membasmi Kemiskinan Malaysia (Pam), semalam menerusi Program Jejak Bantu Rakyat peringkat Parlimen Kubang Pasu dengan kerjasama Palapes Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam) Kedah.

Sarabiah Abdul Hamid, 58, yang tinggal di situ sejak kecil berkata, dia tidak pernah menikmati kemudahan bilik air yang sempurna sebelum ini memandangkan kehidupannya yang daif sejak kematian kedua ibu bapanya.

Menurutnya, sebelum ini dia hanya menggunakan air paip untuk mandi di tepi pokok pising berhampiran rumahnya selain membuang air di merata-rata tempat di sekitar rumah termasuk di kawasan ru-

mak di belakang rumah.

"Saya tidak mempunyai pilihan lain untuk berbuat demikian kerana tidak mempunyai wang untuk membina bilik air yang selesa.

"Apabila saya menerima khabar ada pihak yang sudi membantu membersihkan kawasan rumah dan membina kemudahan bilik air itu, saya sungguh bersyukur dan gembira tidak terhingga," katanya.

Sarabiah yang menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM150 itu berkata, dia hanya bergantung kepada wang bantuan itu selain mengambil opah mengurut penduduk setempat dengan pendapatan sekitar RM30 hingga RM40 sebulan.

"Bagaimanapun pendapatan yang diperoleh itu tidak merentu kerana bukan selalu ada orang datang mengurut, ia hanya kadangkala sahaja," katanya.

Pengerusi Pam, Mohamad Nizam Malik berkata, ini merupakan program pertama badan bukan kerajaan (NGO) itu sejak ditubuhkan dua bu-



SARABIAH

lan lalu.

Menurutnya, Kedah menjadi destinasi pertama mereka turun padang membantu masyarakat yang kurang bernaib baik, keadaan rumah yang daif selain golongan kurang upaya (OKU) dan pesakit kronik.

"Kita mengenal pasti sebanyak 186 keluarga daif di daerah ini untuk dibantu sama ada membaiki pulih kerosakan kecil di rumah mereka, bergotong-royong membersihkan kawasan rumah dan sumbangan barangan keperluan harian.

"Kita menggunakan tenaga belia setempat untuk me-



Mohamad Nizam (kiri) bersama sukarelawan Pam dan Palapes UUM membersihkan kawasan rumah Sarabiah sebelum bergotong-royong membina bilik air di rumah berkenaan.

ngenal pasti golongan ini yang benar-benar memerlukan bantuan dan buat permulaan kita akan menghulurkan bantuan kepada 18 keluarga melibatkan kawasan Malau, Jitra dan Changlun.

"Manakala selebihnya akan diselesaikan dalam tempoh dua bulan ini kerana selepas ini bantuan itu akan diteruskan ke Padang Besar, Perlis dan Rantau Panjang,

Kelantan," katanya.

Mohamad Nizam berkata, pihaknya memperuntukkan RM60,000 untuk membantu 186 keluarga dan sumbangan itu turut diperoleh daripada Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Mohd Johari Baharum sebanyak RM10,000.

Menurutnya, kos diperuntukkan untuk membantu setiap keluarga antara RM200 hingga RM300 termasuk

membaiki pulih kerosakan kecil selain bantuan lain.

Terdahulu, seramai 160 termasuk sukarelawan Pam, pasukan Palapes UUM dan Pamadam negeri bekerjasama membaiki pulih dan membersihkan rumah 18 keluarga daif di sekitar Kubang Pasu melibatkan beberapa kampung termasuk Kampung Padang Pasir, Sungai Buluh, Nyior dan Jalan Perik.